Temu bual terhadap beberapa orang pentadbir masjid mendapati; pihak pentadbir masjid serta para jemaah kurang mengetahui tentang asal-usul dan karakter seni bina proto-konsep MIK yang terdapat pada masjid mereka (Zakaria, 2019; Abdullah, 2020). Masyarakat yang kurang mengetahui perihal sejarah MIK tidak dapat menghargai kepentingan gaya seni bina ini pada masjid-masjid mereka. Kekurangan kesedaran tentang kepentingan pengekaln bangunan masjid bersejarah telah mengakibatkan berlakunya kerja-kerja pengubahsuaian yang tidak sensitif terhadap nilai-nilai seni bina, seperti yang dialami oleh Masjid Pematang Tok Dik, Mukim Naga Lilit, Padang Serai, Kulim (Foto 1.1).



Foto 1.1 Pandangan asal dan pandangan terkini Masjid Pematang Tok Dik, Padang Serai, Kulim.

Bangunan Masjid Pematang Tok Dik asal mempunyai sebuah kubah *gunbadh*, dua kubah menari *chhatri* dan dua kubah kecil (*cupola*). Pengubahsuaian masjid pada tahun 2017, telah menggantikan kubah *gunbadh* masjid yang bocor, bumbung pada bahagian *mihrab* telah ditinggikan lalu menghilangkan sebahagian menara *chhatri* (Foto 1.1B). Kubah kecil *cupola* juga telah dihapuskan, pengubahsuaian ini telah menghilangkan sebahagian aturan asal seni bina proto-konsep MIK yang terdapat pada masjid ini.

Masjid proto-konsep MIK yang dibincangkan di dalam tesis ini bermaksud masjid-masjid tempatan di negeri Kedah yang mempunyai hubungkait dengan seni bina Masjid Zahir (1912). Masjid-masjid ini dipecahkan kepada tiga kategori iaitu Masjid Zahir sebagai Masjid Induk, Masjid-masjid Seiras dan Masjid-masjid Tidak Seiras. Tipologi dan pendefinisian masjid-masjid ini diternagkan di dalam Bab Kedua (subtopik 2.7).

1.2.1 Sejarah Pengaruh Seni Bina Masjid India di Kedah

Sejarah awal pembinaan masjid berdasarkan gaya seni bina masjid India di Tanah Melayu telah berlaku pada awal kurun ke-20 (Baharudin, Ismail & Megat, 2014; Ahmad, 1999). Tanah Melayu pada ketika itu berada di bawah penguasaan Syarikat Hindia Timur Inggeris yang juga dikenali sebagai 'Kerajaan British-Malaya' (Ching, 1996). Istilah ini digunakan oleh para sejarawan untuk merujuk kepada fasa penguasaan Inggeris di Tanah Melayu yang bermula ketika penyerahan Melaka kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris 1824 sehinggalah ke tahun kemerdekaan Tanah Malayu pada 1957. Secara kolektif semua fasa ini dikenali sebagai kerajaan British-Malaya dan model penjajahan Inggeris ini banyak merujuk kepada pentadbiran kerajaan Inggeris di India (British Raj 1858-1947).

Semasa menjalankan proses urbanisasi pada bandar-bandar utama di Tanah Melayu, kerajaan British-Malaya telah membawa teknologi seni bina berasaskan binaan batu-bata dan simen plaster (Sharif, 2017). Seni bina bangunan-bangunan kolonial-klasik ini mengandungi gabungan gaya Byzantin, Romawi dan Gothik (Sheeba & Dhas, 2018) serta kacukan India-Islam atau dipanggil seni bina *hybrid* (Adam, 2019). Selain masjid, bangunan-bangunan ini berfungsi sebagai pejabat kerajaan, mahkamah dan istana. Untuk beberapa buah masjid yang baharu, kerajaan British Malaya turut menggunakan gaya seni bina kacukan atau eklektik yang menerapkan pelbagai unsur kesenian dari luar negara khususnya dari negara-negara jajahan British (Isa et al., 2022).

Para arkitek kerajaan British-Malaya telah memperkenalkan seni bina masjid India, dengan intensiti gaya seni binanya yang banyak merujuk kepada bangunan-bangunan agung empayar Islam Mughal (yang telah digulingkan) oleh kerajaan British Raj di utara India (Ali & Hassan, 2020). Pihak Inggeris berpendapat seni bina ini sesuai dijadikan piawaian seni bina dan akan disukai oleh sultan-sultan serta sekalian rakyat Tanah Melayu. Seni bina Masjid India ini antaranya telah dizahirkan pada Masjid Jamek Kuala Lumpur (1909), Masjid Ubudiah (1913) di Kuala Kangsar, Masjid Zahir (1912) di Alor Setar dan Masjid Alwi (1931) di Kangar.

Masjid Zahir, yang dibina pada tahun 1912, telah diiktiraf sebagai masjid negeri serta menjadi ikon seni bina diraja Kesultanan Kedah (Zain, Jamsari & Salleh, 2012). Masjid Zahir telah membentuk satu kadaran dan aturan baharu (*new order and proportion*) sebuah masjid ulung yang beridentitikan gaya seni bina masjid Mughal-India di Negeri Kedah. Ini dibuktikan dengan pembinaan lebih banyak masjid di serata negeri oleh tukang-tukang bina dan para arkitek yang dilihat banyak dipengaruhi oleh reka bentuk Masjid Zahir (Saaid & Hassan, 2019a).

1.2.2 Skala Pengukuran Berasaskan Masjid Zahir


Dalam kajian seni bina, sesebuah bangunan utama boleh dijadikan sebagai skala perbandingan (Hershberger, 2021). Chao (2023) telah mengkaji seni bina Kota Larangan (*Forbidden City*) di Beijing serta membuat perbandingan antara binaan tersebut dengan Taj Mahal di Agra. Kaedah analisisnya merangkumi pengukuran skala dan reka bentuk serta penghuraian terhadap latar belakang kebudayaan. Dalam sebuah kajian yang lain, Dizany (2017) membandingkan aturan seni bina pada masjid-masjid terawal di India dengan monumen seni bina Parsi (Iran) dan kuil-kuil Hindu (di India) pada zaman sebelum kedatangan Islam.

Contoh-contoh literatur di atas menunjukkan bahawa hubungan antara bangunan-bangunan utama boleh dijadikan asas skala pengukuran. Oleh itu, Masjid Zahir boleh digunakan sebagai skala pengukuran untuk menilai faktor-faktor kajian, iaitu kadaran, aturan dan pengubahsuaian pada elemen tumpuan masjid-masjid proto-konsep MIK. Kaedah pengukuran yang melibatkan skala perbandingan ini akan dijelaskan pada Bab Ketiga iaitu metodologi kajian.

1.3 Pernyataan Masalah


Dalam dunia seni bina, kebanyakan bangunan agung memiliki dimensi aturan dan reka bentuk kadaran yang merujuk pada skala manusia (Fidanci, 2023, 9 Jun). Masjid Jama di Delhi dan Taj Mahal di Agra adalah dua contoh monumen agung seni bina Mughal. Walau bagaimanapun, kecantikan seni bina tidak semestinya diukur pada saiz dan skala sesebuah bangunan (Airey, 2019). Sesebuah bangunan masjid itu kelihatan harmoni dan estetik apabila ia mempunyai perkadaran dan aturan yang baik (Bashier, 2014; Handayani & Soewardikoen, 2018).

Tinjauan dan pemerhatian menunjukkan terdapat banyak masjid di negeri Kedah bermasalah dengan aspek kadaran dan aturan seni bina bangunan (Saaid & Hassan, 2019; Saaid et al., 2023). Ini menyebabkan sesebuah masjid itu, walaupun bersaiz besar namun ia tidak mempunyai nilai estetik yang baik (Mustafa & Rashid, 2019). Contoh permasalahan kadaran dapat dilihat pada bangunan Masjid Zahir (Rajah 1.2). Lukisan ini merupakan pandangan hadapan Masjid Zahir masa kini, masjid ini memiliki perincian asal dan aturan komposisi seni bina yang amat baik sebagai sebuah masjid berpengaruh Mughal-India, namun setelah beberapa kali menjalani pengubahsuaian sejak dibina pada tahun 1912, masjid ini telah menampakkan kecacatan perkadaran kerana ruang solat masjid hanya ditambah memanjang ke sisi kiri masjid sahaja. Aturan seni bina pada bahagian tambahan ini juga kelihatan tidak harmoni berbanding bangunan asal Masjid Zahir.



Rajah 1.2 Pandangan hadapan Masjid Zahir


Masalah kadaran dan aturan juga berlaku pada Masjid Al-Fateh di Tanjung Pauh (Rajah 1.3). Bangunan ini merupakan sebuah masjid bandar yang dilengkapi dengan perbagai kemudahan moden serta menjadi pusat tumpuan masyarakat Islam di selatan bandar Jitra, Kubang Pasu.



Rajah 1.3 Pandangan hadapan Masjid Al-Fateh (Dilukis oleh Mohd Hanif Yusof)

Walau bagaimanapun, aspek kadaran dan aturan pada gaya seni bina bangunan ini dilihat begitu mengecewakan. Dua buah kubah sekunder berada pada kedudukan yang agak jauh berbanding kubah utama (Rajah 1.3). Ketinggian bangunan masjid juga dilihat agak rendah serta terlalu mendatar (*too horizontal*). Aspek aturan pada seni bina menara juga kelihatan bercanggah berbanding komposisi elemen asal yang terdapat bangunan masjid ini.

Satu contoh permasalahan aturan dapat dilihat pada sebuah masjid kampung iaitu Masjid As-Syakirin yang terletak di Kampung Teluk Luar, Mukim Bukit Pinang. Bangunan asal masjid ini yang dibina pada tahun 1982 mempunyai gaya seni bina Mughal-India dengan penggunaan sebuah kubah *gunbadh* berwarna hitam. Pada empat penjuru kubah utama ini terletak empat buah kubah menara *chhatri*. Gabungan elemen seni bina India ini menjadikan bangunan asal masjid As-Syakirin tampak unik dan menarik.



Rajah 1.4 Masjid As-Syakirin, Kg Teluk Luar, Bukit Pinang

Masalah kecacatan reka bentuk berlaku apabila pihak masjid telah menambah sebuah serambi baharu bersama sebuah kubah berwarna keemasan (Rajah 1.4). Pengubahsuaian ini tidak mematuhi aspek kadaran dan aturan seni bina masjid. Seharusnya sebuah serambi perlu menggunakan kubah sekunder yang bersaiz lebih kecil berbanding kubah utama serta lebih besar berbanding kubah menara *chhatri*. Aturan kubah juga tidak dipatuhi; kubah serambi berwarna keemasan sedangkan lima buah kubah lain berwaran kehitaman. Bangunan asal masjid didapati mempunyai 'krenelasi parapet' berbentuk gerbang berulang (*arches*), tetapi elemen ini tidak disambungkan pada bahagian serambi tambahan yang hanya dipasang dengan parapet berserta birai hias (*cornice*). Kesimpulan tentang permasalahan ini ialah bahagian serambi tambahan dan bangunan asal masjid ini tidak bersesuaian dari sudut kadaran dan aturan seni bina.

Pengubahsuaian tanpa kawalan boleh mengakibatkan kerosakan pada seni bina asal sesebuah masjid (Zakaria, 2019; Abdullah, 2020). Tinjauan mendapati banyak bangunan masjid mengalami masalah berkaitan pengubahsuaian. Selepas beroperasi


selama beberapa tempoh, pihak pentadbir masjid cenderung melakukan pengubahsuaian tambahan terhadap bangunan masjid masing-masing (Mohamed, 2008). Selain daripada Piawaian Perancangan dan Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam (2023) yang menekankan tentang garis panduan reka bentuk masjid-masjid baharu di seluruh negara, tiada sebarang garis panduan atau rujukan khusus disediakan tentang pengubahsuaian seni bina masjid-masjid proto-konsep MIK di negeri Kedah.

Kebanyakan kajian tentang institusi masjid di negeri Kedah hanya menumpukan tentang aspek pentadbiran dan pengurusan kewangan (Hashim, Isa & Yusuff, 2015). Terdapat banyak prospek tentang penyelidikan seni bina bangunan-bangunan masjid di Negeri Kedah (Awang et al., 2021). Kajian seperti ini diperlukan agar masyarakat tempatan lebih menghargai seni bina masjid-masjid di persekitaran mereka (Ahmad & Mujani, 2013).

Di Eropah, terdapat banyak kajian yang mencari persamaan antara bangunan-bangunan gereja Gothic (Ramzy, 2015). Di Kedah, wujud persamaan antara masjid-masjid di seluruh negeri, banyak masjid dibina dengan merujuk pada seni bina Masjid Zahir (Saaid & Hassan, 2019a), tetapi tidak banyak kajian yang menghuraikan tentang pertalian seni bina di antara masjid-masjid ini. Seni bina masjid masa kini lebih dikenali sebagai seni bina masjid kontemporari biasanya mempunyai rupa bentuk yang agak menonjol tetapi tidak gah kerana faktor limitasi kos pembinaan (Sujak, Talib & Mustaffa, 2012).

Berdasarkan contoh-contoh lukisan dan rajah-rajah yang telah dikemukakan, kajian ini telah mengulas tentang permasalahan kadaran dan aturan yang terdapat pada tiga fakad masjid proto-konsep MIK. Menurut Sheikh (2023), masalah kecacatan reka bentuk yang berasaskan aspek kadaran dan aturan ini tidak berlaku pada masjid Mughal-India

seperti Masjid Jama di Delhi kerana walaupun ianya telah berusia menjangkau 350 tahun, bangunan ini tidak pernah mengalami sebarang proses pengubahsuaian (Rajah 1.5).



Rajah 1.5 Pandangan hadapan Masjid Jama (Dilukis oleh Mohd Imran Rafie)

Pengubahsuaian sesebuah masjid proto-konsep Mughal-India Kedah dilihat tidak mementingkan aturan seni bina luaran, sebaliknya kemudahan lain pada masjid-masjid ini dinaik taraf seperti penambahan sistem penyaman udara moden dan pemasangan permaidani tebal (Saaid & Hassan, 2023). Pada peringkat awal, masjid-masjid ini juga mempunyai asas kadaran dan aturan yang baik seperti Masjid Jama di Delhi. Namun apabila masjid-masjid proto-konsep MIK ini diubah suai secara berlebihan, kecacatan pada aturan dan kadaran reka bentuk telah menyebabkan kemerosotan nilai estetik serta menjejaskan keharmonian seni bina. Sebagai kesimpulan, semua permasalahan berkaitan kadaran dan aturan seni bina ini berlaku apabila masjid-masjid tersebut menjalankan pengubahsuaian yang berbeza dengan reka bentuk asalnya.

1.4 Persoalan Penyelidikan

Berdasarkan rangkuman pernyataan masalah, kajian ini dapat merumuskan lima persoalan penyelidikan. Senarai persoalan penyelidikan (RQ) adalah seperti berikut:-

- RQ1: Bagaimanakah masjid-masjid terpilih dikelaskan sebagai masjid proto-konsep Mughal-India Kedah (MIK)?
- RQ2: Apakah kaedah yang sesuai bagi pengukuran kadaran bangunan masjid proto-konsep MIK?
- RQ3: Bagaimanakah aturan yang sesuai dapat dikonfigurasi untuk gaya seni bina proto-konsep MIK?
- RQ4: Bagaimanakah pengubahsuaian yang sewajarnya diserasikan untuk bangunan masjid proto-konsep MIK?
- RQ5: Apakah imej seni bina masjid MIK kepada negeri Kedah?

1.5 Objektif Penyelidikan

Lima persoalan penyelidikan (RQ) yang telah dikemukakan seterusnya berkesinambungan dengan empat objektif penyelidikan (RO). Menjadikan masjid Mughal-India Kedah (MIK) sebagai subjek pengkhususan, matlamat objektif penyelidikan ini digariskan seperti berikut:-

- RO1: Menjelaskan kadaran seni bina fakad bangunan yang dikenalpasti pada masjid proto-konsep MIK;
- RO2: Menjelaskan aturan seni bina fakad bangunan yang dikenalpasti pada masjid proto-konsep MIK;

RO3: Menilai tahap kesesuaian pengubahsuaian fakad masjid proto-konsep MIK berdasarkan aspek kadaran dan aturan seni bina Mughal-India yang sebenar; dan

RO4: Mencadangkan hasil kajian ini iaitu konsep masjid MIK sebagai satu gaya seni bina negeri Kedah untuk memberi manfaat kepada negeri dan masyarakat

Objektif pertama dan kedua bagi kajian ini adalah untuk menghasilkan penjelasan tentang aspek kadaran dan aturan pada fakad masjid-masjid proto-konsep MIK. Berdasarkan nilai kadaran dan aturan yang telah diperolehi, penyelidikan diteruskan pada objektif ketiga iaitu menjalankan penilaian berhubung aspek kesesuaian pengubahsuaian yang berlaku pada masjid-masjid proto-konsep MIK. Hasil akhir kajian ini yang berbentuk konsep seni bina Masjid Mughal-India Kedah digariskan sebagai objektif keempat disasarkan untuk memberi manfaat kepada pihak-pihak berwajib dan masyarakat.

1.6 Pendekatan Penyelidikan

Kaedah pemerhatian merupakan salah satu kaedah penyelidikan asas di dalam bidang seni bina (Altun & Yazicioglu, 2010). Pengkajian tentang sejarah dan teori seni bina boleh dirangka dengan menggunakan pendekatan kualitatif (Fross, et al., 2015). Kajian kualitatif boleh dijalankan berdasarkan kekuatan latar belakang dan pengalaman pengkaji (Peterson, 2019; Mohajan, 2018).

Bagi kajian ini, pengkaji membawa kelebihan latar belakang sebagai seorang rakyat tempatan yang sering menggunakan pelbagai kemudahan masjid di serata negeri Kedah. Secara eksploratif, kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian untuk meneliti

aspek kadaran dan aturan seni bina masjid-masjid proto-konsep MIK. Pengkaji menggunakan kaedah kajian kes pelbagai (*mutliple cases*) dengan melihat persamaan dan perbezaan antara hasil seni bina yang terlibat (Nnaemeka, 2015). Ratusan foto masjid-masjid di seluruh negeri yang berpotensi sebagai subjek kajian telah dikumpulkan sebagai data salinan lembut. Berdasarkan Borang Senarai Semak; sebanyak 31 buah masjid telah disenarai pendek sebagai masjid-masjid berpengaruh Mughal-India di Negeri Kedah (Lampiran 1). Daripada senarai tersebut, sembilan buah masjid yang paling signifikan dipilih sebagai masjid kajian kes. Kajian ini akan melihat keadaan pengubahsuaian yang melibatkan fakad masjid-masjid proto-konsep MIK. Nilai kadaran dan konfigurasi aturan bagi masjid-masjid tersebut akan disemak berpandukan skala pengukuran kadaran dan aturan. Proses seterusnya melibatkan penganalisan kajian, perbincangan dan cadangan korektif bagi memperbaiki ketidaksempurnaan pada aspek pengubahsuaian pada fakad hadapan masjid-masjid proto-konsep MIK.

Kajian kes terhadap elemen seni bina bangunan turut selari dengan pendekatan kajian oleh Alauddin et al. (2016) yang mengkaji tentang kerosakan bangunan-bangunan sekolah warisan. Kekuatan kajian kes sebagai pendekatan utama bagi penyelidikan seni bina turut dibincangkan oleh Ariffin, Rashid dengan Salleh (2015). Pendekatan bagi kajian ini turut mengambil inspirasi daripada kajian analisis kadaran elemen seni bina rumah-rumah tradisional di Mosul, Iraq oleh Shareef dan Talee (2020).


Pendekatan yang lebih terperinci akan digunakan bagi kajian ini berbanding kajian nisbah keemasan oleh Handayani dan Soewardikoen (2017). Kajian kadaran oleh Handayani dan Soewardikoen telah dijalankan dengan agak longgar. Lengkungan Segi Empat Keemasan hanya disurih berdasarkan gambar foto masjid-masjid yang terletak di wilayah Bandung, Indonesia. Teknik ini mempunyai ralat kerana ia tidak

memberikan kadaran yang tepat pada fakad masjid-masjid tersebut. Pengkaji telah mengambil maklum tentang kelemahan ini. Penganalisan kadaran akan ditumpukan dengan lebih tepat menggunakan lukisan-lukisan terukur bangunan-bangunan masjid proto-konsep MIK.

1.7 Kerangka Penyelidikan

Penyelidikan ini dikendalikan dalam empat peringkat kajian. Bagi memberi kefahaman visual, carta alir penyelidikan ini diilustrasikan oleh rajah berikut (Rajah

1.6) :-



Rajah 1.6 Kerangka penyelidikan

Kerangka penyelidikan membantu para pengkaji untuk kekal berada pada landasan yang tepat sepanjang tempoh penyelidikan (Collins & Stockton, 2018). Bagi sebuah

kajian berbentuk kualitatif, kerangka penyelidikan boleh dirangka berpandukan data awalan kajian (Spencer et al., 2003). Dua keterangan ini serta reka bentuk kerangka penyelidikan oleh Baper (2011) membantu pengkaji merumuskan kerangka penyelidikan ini kepada empat peringkat kajian:-

Pada peringkat pertama, kajian ini meneliti latar belakang serta mengupas isu-isu berkaitan permasalahan kajian. Persoalan-persoalan kajian seterusnya dibentuk. Empat objektif utama telah digariskan untuk memacu kajian ini sehingga selesai.

Pada peringkat kedua; kajian bersambung dengan penyorotan literatur berkaitan sejarah gemilang seni bina Empayar Mughal di kawasan utara India. Terma-terma pengistilahan MIK turut dikaitkan dengan terma-terma seni bina Mughal yang asal. Lawatan pengkaji ke Delhi dan Agra di India dijadikan sebagai kajian perbandingan bagi memahami seni bina dan perkaitan faktor-faktor masjid proto-konsep MIK. Sebuah kajian rintis dijalankan bagi menyemak tiga faktor utama seni bina MIK iaitu kadaran, aturan dan pengubahsuaian.

Pengkajian diteruskan pada peringkat ketiga dengan pendekatan kaji selidik kualitatif. Data kualitatif yang dijana melalui pemerhatian naturalistik dan lukisan terukur dikumpulkan daripada sembilan buah masjid kajian kes yang mencakupi sebuah masjid induk, empat buah masjid seiras dan empat buah masjid tidak seiras.

Peringkat keempat dijalankan penganalisan data yang melibatkan empat faktor kaji selidik iaitu kadaran, aturan, pengubahsuaian dan sumbangan. Skala pengukuran kualitatif digunakan untuk mengukur keadaan baik atau buruk bagi faktor-faktor penganalisan tersebut. Huraian analisis yang berbentuk deskriptif menerangkan tentang sifat dan keadaan bagi faktor-faktor kaji selidik. Sebagai penutup, penyelidikan ini dirumuskan sebagai satu penemuan yang merangkumi panduan

kadaran, konfigurasi aturan serta cadangan pengubahsuaian. Ketiga-tiga faktor ini digabungkan sebagai sumbangan utama kajian, yang akan disampaikan kepada masyarakat melalui saluran pihak berkuasa yang berkaitan.

Sebagai kesinambungan daripada perbincangan dalam Bab Ketiga, iaitu Kerangka Metodologi Kajian (Rajah 3.1), rajah tersebut merupakan gambaran lanjutan yang memperincikan kaedah kaji selidik, analisis data serta rumusan kajian ini.

1.8 Kepentingan Penyelidikan

Penyelidikan ini penting kerana ia merupakan satu-satunya penyelidikan asas tentang seni bina masjid di Kedah yang membincangkan seni bina Masjid Zahir serta bangunan-bangunan seiras dengannya di serata negeri ini dan menghuraikan kewujudan pertalian tersebut dalam konteks gaya seni bina masjid Mughal-India. Kajian-kajian sebelum ini dilihat hanya memfokuskan seni bina Masjid Zahir secara am, belum terdapat kajian khusus yang cuba merungkaikan perhubungan antara seni bina masjid ini dengan seni bina asalnya yang telah mempengaruhi aspek kadaran dan aturan pada bangunan ini serta masjid-masjid lain di Negeri Kedah.

Kajian berasaskan kaedah penyemakan kadaran dan aturan telah banyak dijalankan oleh para pengkaji serantau seperti kajian masjid-masjid di Bandung, Indonesia (Handayani & Soewardikoen, 2017), kajian model perkadaran masjid-masjid utama di Sabah dan Sarawak (Salleh, Abdullah & Khadizah, 2014) dan kajian nisbah keemasan terhadap bangunan tinggi dan rumah-rumah tradisional Melayu (Usman, Sulaiman & Kassim, 2018). Walau bagaimanapun, kajian yang menggunakan pendekatan seperti ini belum dilaksanakan untuk topik seni bina masjid di Negeri Kedah. Penyelidikan

ini penting bukan hanya kepada pengkaji malahan kepada institusi masjid di seluruh Negeri Kedah.

Kajian ini adalah eksplorasi ke atas sembilan buah kajian kes serta penganalisan terhadap aspek kadaran dan aturan gaya seni bina pada masjid-masjid terpilih. Tanpa kadaran dan aturan yang betul, ia akan mencatitkan gaya seni bina Mughal-India Kedah (MIK) serta menyebabkan kurang nilai harmoni dan estetik pada masjid proto-konsep MIK tersebut. Seni bina ini wajar dipromosikan kepada masyarakat. Kelak akan lahir lebih banyak masjid baharu bergaya seni bina MIK yang memberi kebanggaan buat negeri Kedah.

Sejarah bagi kumpulan masjid proto-konsep MIK telah dimulakan oleh Masjid Zahir sebagai Masjid Induk, ia kemudiannya berpindah kepada masjid-masjid lain iaitu Masjid Seiras dan Masjid Tidak Seiras. Penghasilan laporan kajian ini dapat membina kesinambungan pertalian gaya seni bina Mughal-India Kedah pada masjid-masjid lain pada masa akan datang.

1.8.1 Signifikasi Penyelidikan

Selain Masjid Zahir, para pengkaji seni bina warisan turut membincangkan bangunan-bangunan lain seperti Istana Kota Setar, Balai Besar dan Balai Nobat yang berada berdekatan dengan kawasan Masjid Zahir. Ibrahim dan Abdullah (2016) serta Yusof dan Ibrahim (2011) bersependapat bahawa bangunan Masjid Zahir ialah ikon seni bina terulung bagi Negeri Kedah, tetapi kajian mereka tidak menyebut kewujudan pertalian seni bina antara Masjid Zahir dengan masjid-masjid lain di negeri ini. Penyelidikan seperti ini amat penting untuk membolehkan kekosongan dalam sejarah seni bina tempatan dibahaskan dan ditulis semula dengan lebih tepat (Kasnoon, 2015). Secara

akademik, tesis ini merupakan satu tanggungjawab buat pengkaji untuk melengkapkan jurang kajian seterusnya meletakkan seni bina Masjid Mughal-India Kedah (MIK) pada satu aras yang lebih tinggi untuk diraikan oleh semua warga akademia serta masyarakat

Walaupun sejarah Masjid-masjid Mughal-India Kedah tidaklah sehebat binaan agung seperti Jama' Masjid dan Moti Masjid (*Pearl Mosque*) yang dibina oleh maharaja-maharaja Mughal di Kota Delhi dan Agra di India. Namun, terdapat banyak potensi pada masjid-masjid ini yang dapat diketengahkan secara akademik. Kekurangan penghargaan terhadap gaya seni bina yang sebenar, khususnya dari warga pentadbir masjid serta penduduk tempatan telah menjadikan seni bina Mughal-India yang terdapat pada masjid-masjid tempatan ini kurang dikenali (Fauzi, 2015).

Asimilasi gaya seni bina adalah bersifat universal (Kim & Luchkova, 2018), dan proses ini telah berlaku di Negeri Kedah semasa Tanah Melayu di bawah era penjajahan Inggeris. Telah dibuktikan melalui dokumentasi sejarah bahawa pasukan pentadbiran kerajaan British-Malaya ketika itu kebanyakan mereka berpengalaman berkhidmat dengan kerajaan British Raj di India (Yamada, 1971). Justeru, tidaklah menghairankan apabila intipati seni bina Mughal yang ditonjolkan oleh monumen agung seperti Taj Mahal, masjid, istana dan kota-kota maharaja yang dibina di Agra dan Delhi di utara India telah dibawa akan ideologi seni binanya sehingga ke Semenanjung Tanah Melayu.

Semasa zaman kegemilangan empayar Mughal, Ustad Ahmad Lahori dan Ustad Isa Shirazi adalah antara arkitek diraja yang bertanggungjawab membina bangunan-bangunan agung berdasarkan prinsip kadaran dan aturan reka bentuk Mughal (Koch, 2014). Ratusan tahun kemudian, seni bina ini diinspirasikan di bumi Tanah Melayu.

Pada tahun 1912, seorang arkitek Inggeris bernama James Gorman telah mempersembahkan cadangan seni bina asimilasi Mughal-India kepada Sultan Kedah iaitu Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Dictionary of Scottish Architects, 2016). Baginda sultan seterusnya memperkenankan reka bentuk tersebut untuk pembinaan bangunan baharu Masjid Zahir bagi menggantikan masjid asal binaan kayu yang telah uzur. Pembinaan Masjid Zahir telah membawa aturan baharu gaya seni bina Masjid Mughal-India Kedah (MIK). Sejak gaya seni bina MIK menjadi pilihan Sultan Kedah, minat orang-orang Melayu untuk menggunakan gaya seni bina ini semakin meningkat, banyak masjid dibina berdasarkan 'gaya Masjid Zahir' di serata negeri Kedah.

Masjid-masjid yang baharu didirikan telah menggunakan konsep seni bina MIK. Namun, ketiadaan dokumentasi yang jelas tentang perihal seni bina MIK telah menimbulkan satu permasalahan; bagaimana menguruskan seni bina ini, terutamanya apabila sesebuah masjid proto-konsep MIK itu perlu melakukan pengubahsuaian? Kebanyakan masyarakat khususnya tukang-tukang bina tempatan tidak memahami akan prinsip kadaran dan aturan seni bina MIK. Pengubahsuaian yang berlaku pada fakad masjid-masjid tersebut telah mencacatkan gaya seni bina MIK. Kesan kecacatan ini dapat dilihat pada aspek keharmonian dan keestetikaan masjid. Permasalahan ini memerlukan cadangan pengubahsuaian semula bagi memastikan nilai-korektif faktor kadaran dan aturan seni bina MIK pada masjid-masjid proto-konsep tersebut dapat dikembalikan kepada keadaan asal seperti masjid-masjid tersebut baru disiapkan.

1.8.2 Sumbangan Kajian kepada Masyarakat

Kajian ini memberi satu kontribusi ilmu baharu dalam bidang sejarah dan teori seni bina. Masjid-masjid proto-konsep Mughal-India di Kedah merupakan sebahagian

daripada sejarah yang kurang dikenali kerana belum pernah dibincangkan secara mendalam dalam kajian ilmiah oleh para pengkaji sejarah tempatan. Berpandukan dokumentasi lukisan terukur, pengkaji dapat membuktikan bahawa kumpulan masjid proto-konsep Mughal-India Kedah bukanlah seperti Masjid India biasa iaitu masjid yang diuruskan oleh komuniti India-Muslim di Malaysia, tetapi seni bina proto-konsep MIK ialah masjid-masjid tempatan yang memiliki persamaan pada aspek kadaran dan aturan dengan masjid induknya iaitu Masjid Zahir.

Walaupun secara purata Masjid-masjid proto-konsep Mughal-India Kedah ini hanya berusia lingkungan 50 tahun, namun bangunan-bangunan ini adalah warisan seni bina masa hadapan. Bangunan masjid yang mengandungi intensiti seni bina unik menjadi khazanah berharga yang perlu dipulihara (Harjin, 2015).

Sumbangan kajian mencadangkan kepada pihak kerajaan tentang polisi pengurusan masjid proto-konsep MIK. Polisi pengurusan ini memerlukan pihak kerajaan menyediakan satu badan khas untuk mengurus serta memantau kerja-kerja pengubahsuaian korektif pada masjid-masjid tersebut. Dengan perancangan yang teliti, setiap kerosakan atau kecacatan yang berlaku akibat pengubahsuaian pada fakad masjid-masjid proto-konsep MIK dapat kembali diperbetulkan.

Kerajaan negeri wajar memberi pengiktirafan seni bina MIK sebagai salah satu identiti rasmi gaya seni bina negeri Kedah. Seterusnya, masjid-masjid proto-konsep MIK ini berpotensi diangkat sebagai lokasi pelancongan domestik berkonsepkan seni bina masjid Mughal-India Kedah. Umum mengenali Masjid Zahir sebagai antara salah sebuah masjid tersohor di tanah air. Seni bina negeri Kedah akan lebih masyhur apabila pihak kerajaan menambah koleksi masjid-masjid lain yang mempunyai pertalian pada aspek kadaran dan aturan seni bina dengan masjid ulung tersebut.

Beberapa kajian seiras telah dijalankan antaranya oleh Shamsuzzoha dan Islam (2011) pada masjid-masjid berpengaruh Mughal di Dhaka, Bangladesh dan kajian oleh Chowdury et al. (2019) di Sylhet, sebuah daerah di timur Bangladesh telah menyaksikan masjid-masjid yang kurang ternama di sana telah dipromosikan sebagai masjid-masjid bergaya seni bina Bengali Mughal (Mowla, 2020).

Demikianlah dihuraikan; kajian ini mampu memberikan dua sumbangan penting kepada masyarakat iaitu kontribusi ilmu baharu bidang sejarah dan teori seni bina serta saranan kepada pihak berwajib untuk mengawal selia kerja-kerja pengubahsuaian yang melibatkan aspek kadaran dan aturan pada bangunan proto-konsep MIK. Langkah ini penting demi memastikan sebarang pengubahsuaian tidak menghasilkan kecacatan seni bina. Kualiti setiap bangunan MIK juga perlu sentiasa dipantau kerana ia merupakan aset kepada gaya seni bina negeri Kedah.

1.9 Skop Penyelidikan

Semasa berlangsungnya beberapa sesi pembentangan kajian (sepanjang tempoh penyelidikan ini), pengkaji telah mendapat maklum balas positif tentang tajuk dan skop penyelidikan masjid MIK. Seni bina dan teori adalah bersifat merentasi sempadan (Ciric, 2015). Walaupun terdapat persamaan gaya seni bina proto-konsep MIK pada bangunan masjid Mughal-India di tempat-tempat lain seperti Masjid Ubudiah (1913) di Kuala Kangsar, Masjid Alwi (1931) di Kangar dan Masjid Al-Jamiul Badawi (1964) di Kepala Batas, Seberang Perai; fokus dan skop kajian pengkaji hanya tertumpu pada bangunan-bangunan proto-konsep MIK yang berada di negeri Kedah sahaja.

Selain Masjid Zahir, terdapat beberapa buah lagi masjid tua yang signifikan di Kedah seperti Masjid Lama Pengkalan Kakap telah dibina pada tahun 1800 (Noor, 2017;

Ahmad, 2015). Sebuah masjid kayu tertua di Malaysia pernah dibina di Padang To' Syeikh yang terletak di puncak Gunung Jerai, Kedah (Nasir, 1984). Pada tahun 531H (1136M), pengasas masjid ini iaitu Syeikh Abdullah Al-Yamani telah mengislamkan Raja Kedah ketika itu yang bernama Maharaja Derbar Raja II, baginda kemudiannya memakai gelaran Sultan Muzaffar Shah I (Harun, 2018; Saad, 2012).



Foto 1.2 Masjid-masjid di negeri Kedah bergaya seni bina bumbung lipat kajang

Eksplorasi kajian sejarah seni bina masjid-masjid di Negeri Kedah telah membawa pelbagai penemuan kualitatif yang menarik. Antaranya ialah tiga buah masjid bergaya seni bina Melayu nusantara iaitu masjid berbumbung lipat kajang (Foto 1.2). Walaupun masjid-masjid di dalam gambar ini tidak membawa sebarang perkaitan tentang gaya seni bina proto-konsep MIK, namun pengkaji tetap berkongsi imej persamaan reka bentuk bumbung dan kubah di antara ketiga-tiga buah masjid ini dengan harapan bahawa setiap bangunan masjid mempunyai penceritaan tersendiri serta wajar diselidiki oleh para pengkaji sejarah dan teori seni bina masjid tanah air.